

## The Practice of Barzanji, Is It In Line With Islamic Teaching?

### Amalan Barzanji, Adakah Ia Selaras Dengan Ajaran Islam?

Ahmad Mujahid Abdullah  
*mujahid@hikmah.edu.my*  
Institut Kajian Rantau Asia Barat  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
& Institut Darul Hikmah Kajang, Selangor

Siti Rugayah Hj. Tibek  
*gay@ukm.my*  
Institut Kajian Rantau Asia Barat  
& Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Wan Kamal Mujani  
*inawan@ukm.my*  
Institut Kajian Rantau Asia Barat Universiti  
& Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Jawiah Dakir  
*jawiah@ukm.my*  
Institut Islam Hadhari  
& Jabatan Usuluddin Dan Falsafah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Kamaruzaman Yusuf  
*kayu@ukm.my*  
Institut Kajian Rantau Asia Barat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Article received on 1 December 2012; Article published online on 15 January 2013.

#### Abstrak

Kedatangan Islam yang dibawa oleh Bangsa Arab ke Asia Tenggara, tidak hanya berbentuk doktrin keagamaan yang praktikal seperti yang dilaksanakan khususnya dalam masyarakat Melayu, bahkan turut membawa budaya dan kesenian Bangsa Arab sebagai uslub dakwah

yang dominan dalam populasi Melayu sehingga ke hari ini. Antara warisan kesenian Arab yang masih menunjangi tradisi masyarakat Melayu sejak sekian lama adalah karya Maulid Barzanji. Maulid Barzanji atau Kitab Barzanji merupakan karya seni naratif yang mengisahkan sirah perjalanan Rasulullah s.a.w. Karya ini boleh dipadankan dengan pelbagai rentak bacaan, sesuai dibaca di majlis dan keraian tertentu. Walau bagaimanapun, muncul keraguan dan kebimbangan dalam masyarakat Melayu mutakhir ini tentang amalan dan kesahihan isi kandungan karya Barzanji. Artikel ini melaporkan hasil kajian mengenai isi kandungan karya Barzanji dan menjelaskan bentuk pengamalan masyarakat Melayu terhadap karya Barzanji. Adalah didapati pengamalan kitab Barzanji dalam masyarakat Melayu secara umumnya tidak tersimpang daripada landasan syara'. Sementara kesahihan isi kandungannya, terdapat hadis yang sahih, hasan dan daif serta terdapat *nas-nas* yang diambil dengan jalan *istifadahoh* mengikut metodologi *ikhbariyyin*.

**Keyword:** *Maulid Barzanji, pengamalan kitab Barzanji, kandungan karya Barzanji*

## Abstract

The Arabs not only brought Islamic religion to South East Asia as a practical religious doctrine but also Arab's arts and culture as a dominant uslub of dakwah into the Malay society. Amongst the Arabic arts heritage which is still being practiced in the Malay community is Maulid Barzanji. Maulid Barzanji or Kitab Barzanji is an artwork of narrative which tells the sirah of Rasulullah (pbuh). This artwork could be matched with a variety of rythms and is suitable to be recited at certain functions and events. However, doubts have been cast on the practice as to the authenticity of the content of the Barzanji, whether it is in line with Islamic religion. This article reports on a study which was carried out on the content of Barzanji and its practice by the Malays. It was found that the practice of Kitab Barzanji in the Malay society in general did not deviate from the syara. As for the validity of its content, they are hadis which are sohih, hasan and dhaif as well as *nas* acquired through *istifadahoh* according to the *ikhbariyyin* in methodology.

**Keyword:** *Maulid Barzanji, practice of Kitab Barzanji, content of Barzanji*

## 1. Pengenalan

Kitab Barzanji atau nama sebenarnya *Aqd al-Jauhar fi Maulid al-Nabi al-Azhar* merupakan sebuah karya *al-Adabiyy al-Tarikhyy* (sastera-sejarah) yang ditulis sekitar tahun 1175 hijrah (Ahmad Zini Dahlan. 2007. hlm 239) Karya ini menyajikan sirah Rasulullah s.a.w secara puitis dalam bentuk *nasar* (naratif) dan boleh dilakukan sebagai prosa lirik.

Karya ini diklasifikasikan sebagai *Kitab al-Maulid* kerana memaparkan sirah Rasulullah s.a.w bermula daripada kelahiran baginda sehingga hijrah sahaja. Karya ini mengandungi tiga bentuk penulisan di dalamnya; *fan al-madiah* (kesenian memuji Rasulullah s.a.w), *sirah* Rasulullah s.a.w dan *al-shamail al-muhammadiyyah* (kesempurnaan Muhammad).

Keseluruhan karya ini mengandungi lapan belas *al-ta'cirah* (penyegaran dengan wangian). Setiap *al-ta'cirah* memulakan babak baru sirah Rasulullah s.a.w secara tersusun dalam tiga ratus lima puluh empat uitaian rangkap atau ayat. Sesuai dilakukan sepertimana lagu al-Quran seperti Bayati, Ras dan Raqbi (Abu Bakar. 2012. temu bual).

Dari sudut keindahan bahasanya (*al-Badi'*), keselarasan bunyi “ah” dan “yah” pada setiap rima akhir (*al-Shaj'*) diletakkan sebagai tema asas bagi keseluruhan teks secara berselang-seli. Penggunaan *al-Shaj'* mampu menambahkan kejelasan perkataan dan kesampaian makna kepada pembaca apabila dilantunkan secara berintonasi atau berirama.

Kitab Barzanji kebiasaannya dibaca di majlis perkahwinan, kelahiran dan majlis yang hendak diberkati dengan bacaan sirah Rasulullah s.a.w. Tidak hanya diamalkan dalam masyarakat Islam Asia Tenggara bahkan turut terkenal dalam kalangan Negara-negara benua Afrika dan sebilangan besar Negara Timur Tengah.

## 2. Dakwah dan Kitab Barzanji

Penyelidikan terhadap warisan kesenian Arab secara umumnya didahului dan didominasi oleh barat dan sangat menyumbang kepada perkembangan pesat disiplin ilmu kesenian dalam bentuk sepertimana disebut oleh Lamya al-Faruqi (1989. hlm 343) sebagai *secularization of the art disciplines*. Kesenian secara menyeluruh dianggap oleh barat sebagai neutral atau *free-value*.

Maka sebaliknya kajian terhadap warisan kesenian dari perspektif dakwah yang mendasari sarwa tauhidik perlu dijalankan berdasar keperluan berikut:

- a) Hasil penyelidikan kesenian barat tidak bebas daripada kesan sosiobudaya mereka yang asing terhadap persekitaran unit atau bahan kajian. Bias mudah berlaku terhadap kesenian melalui tafsiran dan daya intelek serta kaedah yang digunakan.

- b) Tradisi asing dan kebencian terhadap Islam dan kesenian Islam secara khusus. Sifat ini wujud berdasarkan firman Allah Ta<sup>c</sup>ala (al-<sup>c</sup>Imran 2:72).*Dan janganlah kamu percaya melainkan kepada orang-orang yang mengikuti agama mu.*
- c) Kajian empirik terhadap hasil seni Islam perlu diteruskan dengan objektif untuk memahami dan menghargai tinggalan estetika kurun lalu.
- d) Sebagai stimulasi terhadap kesinambungan dan penyembuhan serta pemulihan terhadap warisan yang boleh membawa kegemilangan kepada masyarakat.
- e) Sebagai usaha memupuk semangat membanggakan warisan budaya sendiri daripada terkesan dengan budaya asing.

Timbul keraguan dan kesangsian oleh sebahagian anggota masyarakat terhadap kesihihan dan pengamalan kitab Barzanji. Pelbagai pandangan dan tohmahan dikeluarkan terhadap Kitab Barzanji Permasalahan melibatkan *form and content* serta *cause and effect* terhadap karya seni ini adalah serius untuk diselidiki bagi mengelak kekeliruan masyarakat. Walau bagaimanapun kajian yang dijalankan ini hanya terfokus kepada kesihihan dan pengamalan Kitab Barzanji sahaja.

Berdasarkan penelitian penulis terhadap Kitab Barzanji, didapati terdapat beberapa permasalahan penting perlu diketengahkan. Berikut adalah sampel permasalahan yang terdapat dalam kitab Barzanji.

### 3. Penambahan teks yang tidak terdapat pada teks asal.

Terdapat penambahan teks yang tidak terdapat pada manuskrip asal yang ditulis oleh Muhammad al-Habrawiy. Manuskrip yang bertajuk *Mukhtasor Maulid al-Barzanji* (1302) hijrah. Manuskrip tersebut dimiliki oleh Perpustakaan Universiti Malik Saud, Saudi Arabia. Manuskrip ini dimiliki penulis dalam bentuk *Portable Document Format* (PDF) sepertimana manuskrip asal. Contoh teks yang tidak terdapat pada manuskrip asal seperti berikut.

الجنة ونعمتها سعد ملن يصلى ويسلم وبارك عليه

*Maksudnya: Syurga dan segala kenikmatannya mengalu-alukan orang yang berselawat dan orang yang mengucap sejahtera dan memberkati Nya.*

Ayat ini diletakkan di permulaan penulisan karya Barzanji *nasar* (naratif) sebagai pembukaan sepertimana terdapat dalam buku Barzanji yang ada di pasaran Malaysia. Buku berzanji yang ditulis tajuknya dalam bahasa Arab sebagai *Majmu<sup>c</sup>ah al-Mawalid wa Ad<sup>c</sup>iyyah: Syarafu al-Anam Barzanji Nasar wa Barzanji Nazham* adalah cetakan *Maktabah wa Matba<sup>c</sup>ah Muhammad al-Nahdiy wa Auladuhu*, tanpa tahun penerbitan Buku ini dijual di pasar raya Mydin sama seperti produk keperluan lain kerana popularitinya.

Di samping tiga buah karya lain yang mensyarahkan karya Barzanji iaitu *Kaukabu al-Anwar ala 'Aqd al-Jauhar fi Maulid al-Nabiy al-Azhariy* (Jaafar al-Barzanji. 1899), *Talhin al-Sonji: Syarh Maulid al-Imam al-Barzanji* ( al-Sayuti. 1903) dan *Madarik al-Su'ud ila Iktisa' al-Burud* (1340 Masihi) juga tidak merekodkan ayat pembukaan tersebut. Siapakah penulisnya dan apakah tujuannya ayat pembukaan tersebut masih menjadi persoalan kepada penulis.

#### **4. Keraguan terhadap kesahihan fakta dan maklumat yang disajikan Kitab Barzanji.**

Kitab barzanji mengandungi hadis yang sahih, hasan, mungkar dan ada hadis yang tidak ada asal langsung. Kebanyakan hadis bermula dari kisah perkahwinan bapa Rasulullah s.a.w dengan ibundanya Aminah binti Wahab hingga kepada kisah kelahiran dan kebangkitan baginda menjadi rasul adalah diragui kesahihannya. Sementara fakta dan maklumat selepas kebangkitan baginda menjadi Rasul didapati kebanyakannya adalah sahih.

#### **5. Kepelbagai bentuk bacaan.**

Terdapat kepelbagai bentuk bacaan yang boleh dibaca dalam kitab Barzanji. Ini memudahkan pembaca terdedah kepada kesalahan ketika membaca serta mencacatkan makna. Di samping terdapat perkataan yang boleh dibaca dengan dua bentuk bacaan sekali gus. Contohnya perkataan *wa Uthanniy* yang terletak di awal naratif barzanji. Perkataan ini juga boleh dibaca sebagai *wa Uthniy* yang bermaksud aku memuji, berbeza dengan makna *wa Uthanniy* yang bermaksud aku memulakan selepas yang kedua. Kedua-dua bentuk perkataan ini boleh dibaca berdasarkan tatabahasa dan kedudukannya dalam teks tersebut. Terdapat banyak permasalahan seumpama ini dalam kitab Barzanji.

#### **6. Epistemologi yang kontroversial.**

Persoalan *al-Nur Muhammadiy* dan perayaan menyambut *al-Maulid al-Nabawiy* adalah dua epistemologi yang kontroversial dalam kitab Barzanji. Isu ini sangat menyumbang kepada populariti kitab Barzanji sama ada dari sudut penerimaan atau penolakan pengkritik terhadapnya. Ramai dalam kalangan intelektual Islam telah mengemukakan pandangan serta pendapat bersama hujah masing-masing. Penyegaran semula isu ini dengan usul yang *wasatiyyah* sangat diperlukan untuk meleraikan polemik dalam masyarakat.

Untuk mendasari permasalahan Kitab Barzanji secara lebih sistematik, metodologi kajian kepustakaan dan lapangan dipadu selaras dengan objektif kajian untuk mengenal pasti, memproses dan menganalisis maklumat.

Tiga komponen utama karya Barzanji; *fan al-madiah* (kesenian memuji Rasulullah s.a.w), sirah Rasulullah s.a.w dan *al-shamail al-muhammadiyyah* (kesempurnaan Muhammad) dapat menjelaskan gambaran lanjut warisan kesenian Arab yang diwarisinya. Perbincangan seterusnya menjelaskan *fan al-madiah* (kesenian memuji Rasulullah s.a.w) sebagai komponen pertama Kitab Barzanji.

### ***Fan al-Madid.***

Antara genre sastera yang paling lama menunjangi kesusasteraan Arab semenjak zaman Jahiliah adalah *fun al-madid* (seni puji). Di zaman Jahiliah, syair *al-madid* tidak dipersembahkan secara berasingan. Bahkan diselitkan bersama-sama syair lain seperti *al-hajja'* (penghinaan), *al-fakhr wa al-hamasah* (kebanggaan dan tiupan semangat) mengikut urutannya dan diakhiri dengan hidangan arak (Siraj al-Din Muhammad. 1995. hlm 35).

Oleh kerana kepesatan perkembangan sastera di zaman Jahiliah sehingga mampu menarik perhatian awam, *fan al-madid* sebagai medium untuk menyiar, mempromosi dan mengharumkan nama kabilah, pemimpin dan pembesar ketika itu. Pengaruh dan kesan syair menyebabkan hubungan pemimpin dan pensyair sangat erat.

Selari dengan perkembangan Islam itu sendiri, perkembangan *fan al-Madid* juga turut berkembang di awal perkembangan Islam. Islam yang datang ketika itu sebagai alternatif terhadap Jahiliah, perlu untuk disiar, dipertahankan dan diharumkan namanya dengan puji dan syair. Sama seperti peranan yang dimainkan di zaman Jahiliah. Para pensyair Islam seperti Kaab bin Malik al-Ansori, Hassan bin Sabit al-Ansori, Abdullah bin Rawahah dan Kaab bin Zuhair bin Abi Salma bangun mempertahankan Islam dengan syair mereka dan memuji Rasulullah s.a.w (al-Nadwi. 2001. hlm 64).

Proses perkembangan *fan al-madid*, kebanyakan puji (*al-madid*) di zaman Jahiliah dilakukan secara beramai-ramai kecuali segelintir yang melakukannya secara individu. Puji (*al-madid*) menggambarkan kebenaran si pemuji dan secara rambang. Tetapi pada zaman berikutnya puji (*al-madid*) menjadi sumber pendapatan dan penyair mempelbagaikan kemahirannya dalam pengkiasan dan penyerupaan sehingga ke tahap melampaui batas. Perlu dijelaskan di sini bahawa puji (*al-madid*) pertamanya dikatakan kerana semata-mata daripada rasa takjub yang benar. Keduanya puji (*al-madid*) sebagai menyatakan kesyukuran dan akhir sekali dikatakan sebagai pengampu dan sebagai mata pencarian Siraj al-Din Muhammad (1995. hlm 54)

Zaman Abbasiyyah mencatat kelahiran satu karya agung dalam *seni al-madid* yang menjadi tatapan hampir seluruh Umat Islam di dunia. Kelahiran karya *Aqd al-Jauhar fi Maulid al-Nabi al-Azhar* (Jaafar al-Barzanji. 1899. hlm 15) atau lebih terkenal sebagai Kitab Barzanji adalah hasil karya Jaafar Bin Hassan al-Barzanji, yang sampai salasilah datuknya ke-25 kepada Muhammad Rasulullah s.a.w (Ahmad Bin Zini Dahlan. 2007.hlm 240).

### **7. Sirah Rasulullah s.a.w**

Dari sudut pengisahan sirah Nabawiyah, karya Barzanji menggunakan metodologi penulisan *al-Adabiy al-Tarikhay* (sastera persejarahan) kerana tidak menyertakan *nas* (dalil) dalam penulisannya. Oleh yang demikian, proses mengabsahkan teks karya Barzanji melibatkan dua perbincangan berikut:

- a) Sumber premier persejarahan sirah Rasulullah s.a.w.
- b) Metodologi penulisan sirah Rasulullah s.a.w.

## **8. Sumber Premier Persejarahan Sirah Rasulullah s.a.w.**

Bangsa Arab umumnya sama ada di zaman Jahiliah atau Islam menukilkan sejarah mereka secara *al-riwayat* (oral naratif). Kaedah hafalan menjadi asas pengumpulan maklumat, berita dan ilmu pengetahuan sehingga kemunculan kemudahan mencatat dan merekodkan maklumat di atas lembaran (Musaffar. 2007. hlm 143) .

Dengan kedatangan Islam, fakta dan maklumat berkaitan Rasulullah s.a.w daripada sebelum kelahiran sehinggalah kepada kewafatan baginda terus disampaikan daripada satu generasi kepada satu generasi selepasnya tanpa direkodkan.

Walaupun terdapat catatan awal penulisan sirah Rasulullah s.a.w yang ditemui semenjak zaman Tabien lagi oleh Urwah Bin Zubir Bin Awwam, (92 hijrah), Aban Bin Osman (105 hijrah), Wahab Bin Manbah (110 Hijrah), Syarhabil Bin Saad (123 hijrah), Ibn Shihab al-Zuhri (124 hijrah) dan lain-lain lagi.

Namun demikian penulisan sirah Rasulullah s.a.w secara sistematiknya bermula pada zaman Umawiyyah (Ibn Hisyam. 1985 hlm 12). Muhadisin yang mencatat hadis Rasulullah s.a.w secara tidak langsung turut membawa cerita sirah Rasulullah s.a.w dalam kalangan hadis yang ditulis.

Di samping itu, kebanyakan sejarawan Arab (*ikhbariyyin*) juga turut terkesan dengan metodologi muhadisin dalam periyawatan hadis. Bahkan terdapat dalam kalangan muhadisin itu sendiri dalam masa yang sama adalah *ikhbariyyin* (Al-Umari. 1990 hlm 26).

Hasilnya kebanyakan catatan dan penulisan sirah Rasulullah s.a.w yang direkodkan oleh *ikhbariyyin* selepas hijrah adalah sahih kerana disandarkan kepada riwayat muhadisin. Sementara cerita maulid (kelahiran) iaitu bermula daripada tanda-tanda kelahiran sehingga hijrah Rasulullah s.a.w adalah kebanyakannya berdasarkan riwayat ikbariyyin sahaja. Oleh yang demikian terdapat hadis yang daif dan cerita sirah Rasulullah s.a.w yang diambil dengan jalan *intifadah* (iaitu yang telah tersebar luas atau masyhur) mengikut metodologi *Ikhbariyyin* (Musaffar. 2007 hlm 31).

## **9. Metodologi Penulisan Sirah Rasulullah s.a.w.**

Penulisan secara terfokus kepada sumber persejarahan sirah Nabawiyyah dan metodologinya tidaklah begitu banyak ditulis dan diperincikan jika dibandingkan dengan sirah Nabawiyyah itu sendiri secara umum. Ini kerana luasnya perbincangan sirah mencakupi *mawalid*, *maqhazi* dan sebagainya.

Walau bagaimanapun analisis terhadap kesahihan riwayat dan pelaksanaan kaedah penyelidikan terhadap suatu riwayat terlebih dahulu telah digariskan oleh *Muhadisin*. Oleh kerana terkesan dengan kaedah yang digarisikan oleh *muhadisin*, *ikhbariyyin* turut memberi

perhatian terhadap sanat dalam meriwayatkan sirah Rasulullah s.a.w. Namun sanad *muhadisin* terdiri daripada perawi yang dikenali sejarah hidup mereka. Sedangkan sanad *ikhbariyyin* tidak terdapat dalam mana-mana *kitab al-Tarajim* (biografi) (al-Umari. 1990).

Pada peringkat awal pembentukan metodologi penulisan *muhadisin*, berita dan cerita sirah Rasulullah s.a.w dilonggarkan syarat-syarat penerimaannya kecuali dalam perkara yang berkaitan hukum. Namun yang keberkatan fadilat amal atau perkara yang tidak melibatkan penetapan hukum, kami permudahkan sanadnya (al-Bahaqi 1977).

Metodologi ini terbentuk daripada kerangka kaedah *Muhadisin* terhadap periwayatan hadis Rasulullah s.a.w. Namun riwayat berkaitan sirah Rasulullah s.a.w termasuk dalam perkara yang dilonggarkan syarat penerimaannya disebabkan:

- a) *Takalluf bima la yutoq* (Bebanan) serta kesulitan dalam memastikan kesahihannya.
- a) *Ikhbariyyin* tidak mementingkan sanad dalam meriwayatkan sirah Rasulullah s.a.w. Sirah

Rasulullah s.a.w yang dibawa oleh *ikhbariyyin* luas cakupannya meliputi cerita maulid di waktu Nabi s.a.w belum dilahirkan lagi.

Oleh yang demikian, kesukaran memastikan kesahihan riwayat sirah Nabawiyyah menyebabkan ulama tidak begitu mengambil berat dengan kedudukan riwayat-riwayat ini. Pendirian seumpama ini sangat jelas dalam penulisan Ibn Hisyam (Ibn Ishak) dan Ibn Kathir dalam *Bidayat al-Nihayat* (Al-Umari. 1990).

Dengan demikian. selain mengandungi riwayat yang sahih, teks persejarahan sirah Nabawiyyah juga terdapat riwayat yang daif dan sangat daif. Metodologi ini diterima pakai oleh *Ahl al-Siyar* (sejarawan) dalam penulisan mereka. Bahkan turut digunakan oleh *muhadisin* seperti Imam Bukhari dalam kitabnya *al-Adab al-Mufrad* (al-Bukhari, 1998).

Selain itu, *Ahl al-Siyar* juga menggunakan *Intifadah al-Masyhurah* sebagai dalil (*nas*) dalam persejarahan sirah Nabawiyyah. *Al-Intifadah* merupakan salah satu sumber persejarahan yang diguna pakai oleh *Ikhbariyyin* atau *Ahl al-Siyar*, *Muhadisin* dan juga fuqaha dalam menetapkan hukum hakam. Terdapat riwayat sirah Nabawiyyah yang diterima dengan jalan *Intifadah* (Ibn Kathir. 1985) Antara riwayat tersebut ialah kesah Raheb yang mahu merisik untuk mencari di manakah Muhammad yang bakal menjadi Rasul.

Kisah ini diriwayatkan oleh Imam al-Tarmizi daripada Ibn Abbas bin Sahl al-A'raj daripada Kurrad Abi Nuh. Sementara al-Hakim, al-Baihaqi dan Ibn Asakir meriwayatkan cerita ini daripada Ibn Abbas Muhammad bin Yaakob al-Asom daripada Ibn Abbas bin Muhammad al-Dauriy. Kisah ini juga diriwayatkan oleh sebilangan besar perawi lain, yang kebanyakannya daripada riwayat Kurrad Abi Nuh (Abdul Rahman al-Qhazwan al-Qaraiey). Beliau merupakan seorang perawi yang *thiqoh* kerana diriwayatkan hadisnya oleh Imam al-Bukhari. Sebilangan besar ulama dan muhadisin mengiktiraf beliau serta tiada rekod yang menunjukkan kritikan terhadap beliau.

Sementara Kurrad Abi Nuh pula meriwayatkan hadis ini daripada *al-Sahabiyy* Abi Musa al-Ash'ari. Namun dalam riwayat ini terdapat *al-Qarabah* (Unsur Asing) pada ayat; *wa Ba'asa maahu Abu Bakr Bilalan* sepetimana terdapat dalam petikan di atas.

Oleh yang demikian al-Baihaqi mengeluarkan komentar bahawa kisah ini masyhur dalam kalangan *Ahl al-Maghazi*. Sementara al-Hafiz Ibn Hajar dalam *al-Isobah* (Ibn Hajar. 2006.) menjelaskan bahawa hadis ini perawinya *thiqoh*, tidak ada mungkar selain lafaz tersebut. Maka dilabelkan hadis ini sebagai *Mudrajah* kerana terpetik daripada hadis lain kemungkinan disebabkan *waham* (kekeliruan) pada salah seorang perawinya.

Tidak hanya *Ikhbariyyin* sahaja menjadikan *Intifadah* sebagai sumber persejarahan malahan fuqaha juga menggunakan hadis yang daif dan sangat daif dalam bidang hukum hakam yang diambil dengan jalan *Intifadah*. Contohnya hadis yang menjelaskan bahawa “Tidak dijalankan hukuman qisas kepada bapa yang membunuh anak”.

Hadis ini diriwayatkan oleh Tarmizi, Nasai dan Ibn Majah daripada Umar Ibn Khattab r.a. Terdapat dalam sanad hadis ini *Ta'nun* (keraguan). Ibn Abdul al-Bar menyatakan bahawa hadis ini *mustafidh* (masyhur) dalam kalangan ahli akademik di Hijaz dan Iraq. Memadai dengan kemasyhuran, penerimaan dan pengamalannya sebagai alternatif terhadap sanad. Ini kerana penganalisaan sanad pada riwayat yang sudah masyhur merupakan suatu *takalluf* (bebanan) (al-Zuhaili. 1979).

### ***Shamail al-Muhammadiyyah (kesempurnaan Muhammad)***

Hadis berkaitan *shamail al-Muhammadiyyah* kebanyakannya adalah sahih kerana diriwayatkan selepas Rasulullah s.a.w diangkat menjadi Rasul (*bi'thah*). Banyak dalam kalangan Sahabat dan Tabien yang meriwayatkan kesempurnaan Rasulullah s.a.w selepas kewafatan baginda, menjadikan kebanyakan hadis *shamail* sohib kerana terdapat banyak riwayat menyebutnya.

## **10. Penutup**

Ketiga-tiga bentuk penulisan ini (*al-madīh*, sirah Nabawiyyah dan *shamail al-Muhammadiyyah*) menjadikan kitab Barzanji sangat istimewa kerana mengingati manusia yang sangat istimewa.

Pada asasnya, pembacaan Kitab Barzanji atau sirah Rasulullah s.a.w adalah untuk mencontohi dan mengamalkan ajarannya. Metodologi dakwah melalui penceritaan sirah para Nabi telah dijelaskan oleh Allah SWT (al-Quran 11:120) yang bermaksud

Dan semua kisah dari Rasul-rasul kami ceritakan kepada mu, ialah kisah-kisah yang dengannya. Kami teguhkan hati mu dan dalam surah ini telah datang kepada mu kebenaran serta pengajaran dan peringatan bagi orang-orang yang beriman.

*Al-Dakwah bi al-hal* yang dibawa kitab Barzanji terbukti dapat menyalurkan pengajaran dan teladan kepada pengamalnya. Pengamalan Barzanji dalam kalangan masyarakat Malaysia secara umumnya adalah tidak menyimpang daripada landasan syarak dan *al-Urf al-Sahih*.

Selari dengan peredaran masa, perkembangan dan perubahan yang berlaku pada adat (*al-Urf*) turut membawa perubahan kepada pengamalan Kitab Barzanji. Namun demikian, perubahan yang berlaku pada Kitab Barzanji masih berada dalam ruangan yang boleh konotasikan sebagai ruangan *al-ijtihad*yyah.

Pengamalan Barzanji turut menatijahkan kesan positif terhadap kemantapan jiwa, pemikiran dan kehidupan lebih islamik dalam kalangan masyarakat Malaysia. Isu negatif yang dibangkitkan terhadap Kitab Barzanji dikira sebagai *transitional problem* dari satu generasi kepada satu generasi baru yang menuntut penjelasan dan penyegaran semula sesuatu isu.

Walau bagaimanapun, selagi kecintaan kepada baginda s.a.w menjadi pra-syarat keimanan kepada seseorang Muslim, maka usaha memupuk kecintaan itu menjadi kewajipan kepada semua. Pengamalan Kitab Barzanji adalah salah satu metode dakwah yang dapat menjana penghayatan dan kecintaan kepada Rasulullah s.a.w.

Kesimpulan, Kitab Barzanji tidak sahaja terkandung warisan kesenian Arab yang tulen, bahkan mengintegrasikan kesenian, sejarah dan *dakwah Islamiyyah* dengan uslub yang sangat menarik.

Kewujudannya dalam masyarakat sebagai adat dan kebiasaan semenjak sekian lama, tidak lain kecuali menunjukkan kesan penerimaan dan pengamalan masyarakat kepada Kitab Barzanji.

Secara umumnya, maklumat dan data yang diperolehi menunjukkan bahawa pengamalan masyarakat Melayu terhadap kitab Barzanji adalah tidak tersimpang daripada landasan syara'. Sementara kesahihan isi kandungannya, terdapat hadis yang sahih, hasan dan dhaif serta terdapat *nas-nas* yang diambil dengan jalan *intifadah* mengikut metodologi *ikhbariyyin*.

## 11. Rujukan

Al-Iraqi, Abi al-Fadl Abdul Rahim Bin al-Hussain. 2010. *Al-Maurid al-Hani fi al-Maulid al-Sani*. Dirasat wa Tahqiq wa Taghrij: Umar Ibn al-Arabi al-Amiri. Qaherah. Dar al-Salam li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi'.

Muslim, Hujjaj. 2004. *Al-Minhaj fi Syar Sohih Muslim Bin al-Hujjaj*. hlm 91. Maktabah Abu Bakr al-Siddiq. Qaherah.

Ismail al-Faruqi, Lois Lamya al-Faruqi. *Kumpulan kertas kerja al-Faruqi: Pemikiran Islam al-Faruqi*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

- Siraj al-Din Muhammad. 1995. *Al-Madih fi Syi'ri al-Arabi*. Dar al-Ratib al-Jami'iyyah. Beirut.
- Jaafar Barzanji. 1899 *Kaukabul al-Anwar ala al-Aqd al-Jauhar*. 1933. Tahqiq faraj Darwish Lamya al-Faruqi. 1989. *Toward Islamization of disciplines. Paperwork ,Islamizing the Art disciplines*. Internasional Institute of Islamic Thought. Virginia USA.
- Jaafar al-Barzanji. 1899. *Kaukabul al-Anwar ala Aqh al\_jauhar fi Maulid al-Nabiy al-Azhar*. Tahqiq Nadiy faraj Darwish. *Markas Bin al-Attar li al-Turath*. Qaherah.
- Muhammad Nawawi al-Bantani. 1340. *Madarik al-Suud ila Iksa' al-Burud*. Mustafa al-Babiy al-Halabiy wa Auladuhu. Qaherah.
- al-Sayuti, Abdul Rahim. 1903. *Talhin al-Sonji: Syarh Maulid al-Imam al-Barzanji*. Mathbaah al-Hilal bi al-Fajalah. Qaherah.
- Al-Khatib al-Baqdadi, Abu Bakar Ahmad Bin Ali. 1994. *Al-Jami' li al-Akhlaq al-Rawi wa al-Adab al-Sami'*. Edisi 2. Muasasah al-Risalah. Beirut.
- Al-Umari, Prof Dr. Akram Dhiya. 1990. *Marwiyyat al-Sirah al-Nabawiyah: Bain Qawa'id al-Muhaddithin wa al-Riwayat al-Ikhbariyyin*. Riyadh.
- Ibn Hisyam, Abu Muhammad Abdul Malik Bin Hisyam Bin Ayub al-Himyari. 1985. *Tahzib Ibn Hisyam*. Tahqiq Abdul Salam Harun. Dar Buhuth al-Ilmiyyah. Kuwait.
- al-Zuhaili. Wahbah. 1979. *Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Jil. 6. Hlm 267 Dar Fikr. Beirut.
- Al-Tarmizi. Muhammad Bin Isa. 2006. *Sunan al-Tarmizi Jami al-Sohih*. Dar al-Kutub al-Ilmiah. Beirut.
- Al-Buqhari. 1998. *Dhaif Adab al-Mufrad li al-Imam al-Buqhari*. Cet. 4. Maktabah al-Dalil. Mamlakah al-Arabiyyah al-Saudiyyah.
- Ibn Hajar, al-Asqalani. 2006. *Al-Isobah fi Tamyiz al-Sohabat*. Markaz Hijr li al-Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah.
- Al-Nadwi, Said al-A'dhamiy. 2001. *Shuara' al-Rasul fi Dhu' al-Waqi wa al-Qharidh*. Dar Ibn Kathir. Damshiq
- Musaffar, Qharm Allah al-Damimiyy. 2007. *Marwiyyat al-Sirah al-Nabawiyah Bain Qaqaid al-Muhadisin wa Riwayat al-Ikhbariyyin*. Riyadh.
- al-Zahraniy, Dhaif Allah Bin Yahya. 2001. *Masodir al-Sirah al-Nabawiyah: Dirasat al-Tahliliyah li ba' al-Sirah al-Nabawiyah..Riyadh*.

Ahmad Zini Dahlan. 2007. *Asna al-Matalib fi Najat Abu Talib*. Tahqiq Hasan Bin Ali al-Saqqaf. Cet. Ke-2. Jordan. Dar al-Imam al-Nawawi. Hlm 139.

Abu Bakar Jusoh. 2012. Temuramah. Jenis-jenis lagu Barzanji. 03 Feb. 2012.

Ulaish, Muhammad Bin Ahmad al-Maliki. T.th. *Al-Qaul al-Munji ala Maulid al-Barzanji*.

Al-Sayuti al-Maliki al-Jarjani, Abdul Rahim. 1903. *Talhin al-Sonji: Syarh Maulid al-Imam al-Barzanji*. Matbaah al-Hilal bil al-Fajalah. Egypt.

Dhaif, Shauqi. 1992. *Al-Bahthu al-Adabi; Tabie'atuhu Manahijuhi Usuluhu wa Masodiruhu*. Dar al-Maarif. Qaherah.

Muhammad Nawawi al-Bantani. 1340 h. *Madarak al-Suud ila Iksa' al-Burud*. Mustafa al-Babiy al-Halabiy wa Auladuhu. Qaherah.

Ibn Kathir, Imad al-Din Abu Fida' Ismail Bin Kathir al-Qarshi al-Demashqi. 1985. *Bidayat wa al-Nihayat*. Tahqiq Ahmad Abu Mulham et al. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Beirut.

## About the Authors

Ahmad Mujahid Bin Abdullah is a Ph.D student at Institute of West Asian Studies (IKRAB), University Kebangsaan Malaysia. He is currently lecturer of Kolej Dar al-Hikmah. He can be contacted at mujahid@hikmah.edu.my.

Siti Rugayah Hj. Tibek (Ph.D) is the Director of Institute of West Asian Studies (IKRAB), she is also a Professor at Department of Dakwah and leadership, Faculty of Islamic Studies University Kebangsaan Malaysia. She can be contacted at siti\_tibek@yahoo.com.

Jawiah Binti Dakir (Ph.D) is a Deputy Director of Institute of Islamic Hadhari and she is also a Professor at Department of Islamic Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies University Kebangsaan Malaysia. She can be contacted jawiah@pkrisc.cc.ukm.my.

Wan Kamal Mujani (Ph.D) is a Professor at the Department of Arabic Studies and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies and he s also a Deputy Director of Institute of West Asian Studies (IKRAB). He can be contacted at inawan@ukm.my or inamat@yahoo.com.

Kamaruzaman Yusoff (Ph.D) is an Associate Professor at the Center of History, Politics and Strategy, Faculty of Social Science and Humanity and he is also a Senior Fellow at Institute of West Asian Studies (IKRAB), Universiti Kebangsaan Malaysia. He can be contacted at kayu@ukm.my.

Ahmad Mujahid Abdullah is a Ph.D student at Institut of West Asian Studies (IKRAB), University Kebangsaan Malaysia. He is currently lecturer of Kolej Dar al-Hikmah. He can be contacted at mujahid@hikmah.edu.my.

Siti Rugayah Hj. Tibek is the Director of Institute of West Asian Studies (IKRAB), and she is also Professor at Department of Dakwah and Leadership, Faculty of Islamic Studies University Kebangsaan Malaysia. She can be contacted at siti\_tibek@yahoo.com.

Wan Kamal Mujani (Ph.D) Professor at the Department of Arabic Studies and Islamic Civilization, Fakulti of Islamic Studies and he is also Deputy Director of Institute of West Asian Studies (IKRAB). He can be contacted at inawan@ukm.my or inamal@yahoo.com.

Kamaruzaman Yusuff (Ph.D) is a Associate Professor at the Department of History, Politics and Strategy, Faculty of Social Sciences and Humanities and he is also a Senior Fellow at Institute of West Asian Studies (IKRAB), Universiti Kebangsaan Malaysia. He can be contacted at kamaruz@ukm.my.